

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JRW 343/JRW 345 – Penyelidikan Pemasaran**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

**SOALAN 1 [20 markah]**

Terdapat **DUA (2)** sumber kepada masalah. Terangkan dengan terperinci kedua-dua sumber masalah tersebut. Berikan contoh yang bersesuaian.

**SOALAN 2 [30 markah]**

Pensampelan merupakan proses yang penting dalam penyelidikan. Terdapat **ENAM (6)** langkah dalam pembentukan pelan pensampelan. Berdasarkan contoh, berikan penerangan proses pembentukan pelan pensampelan.

**SOALAN 3 (30 markah)**

Encik Ramli seorang peniaga komputer, mengalami penurunan jualan yang teruk. Encik Ramli memutuskan untuk menguji dua pendekatan jualan. Dia membahagikan 12 orang jurujualnya kepada 2 kumpulan. Dia melatih satu kumpulan dengan menggunakan pendekatan “jualan keras” (hard sell) dan satu kumpulan lagi dengan pendekatan “jualan lembut” (soft sell), untuk memahami pendekatan mana yang lebih efektif dalam meningkatkan jualan komputernya.

Berdasarkan senario di atas, nyatakan bagaimana penyelidik harus menjalankan penyelidikan dengan menentukan setiap dari yang berikut dengan memberikan sebab:

- (a) Tujuan Penyelidikan. (6 markah)
- (b) Sejauh mana campurtangan (kuasa) penyelidik. (6 markah)
- (c) Persekitaran kajian. (6 markah)
- (d) Dimensi masa. (6 markah)
- (e) Unit analisis. (6 markah)

**SOALAN 4 (20 markah)**

Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF), Universiti Sains Malaysia sedang menyediakan pelan perniagaan untuk tahun depan. MGTF telah meminta anda untuk menjalankan kajian bagi mendapatkan profil pengunjung dan kadar kunjungan bagi pusat pameran tersebut. Sebagai ketua pasukan penyelidikan, anda perlu menyediakan rangka pensampelan. Anda merancang untuk menggunakan reka bentuk pensampelan kebarangkalian.

Pemerhatian anda mendapati bahawa bilangan pengunjung adalah berbeza-beza. Pada hari biasa kebanyakan pengunjung adalah pelancong luar negara. Pengunjung pusat pameran pada hujung minggu dan cuti umum pula terdiri daripada pengunjung tempatan dengan keluarga dan pelancong. Semasa cuti sekolah, pemerhatian mendapati sebahagian besar pengunjung adalah kanak-kanak sekolah. Jumlah pengunjung yang melawat MGTF tahun lepas adalah seramai 5,000 orang.

- (a) Apakah yang anda faham dengan istilah rangka pensampelan dan reka bentuk pensampelan kebarangkalian?  
(4 markah)
- (b) Terangkan kriteria bagi suatu sampel yang baik. (Kaitkan dengan kes di atas.)  
(4 markah)
- (c) Nyata dan terangkan teknik pensampelan yang paling sesuai digunakan untuk kajian di atas.  
(6 markah)
- (d) Kenal pasti dan terangkan **TIGA (3)** faktor yang boleh mempengaruhi saiz sampel. (Kaitkan dengan kes di atas.)  
(6 markah)